

26 OCT 2000

Deepavali-Sambutan

PEMIMPIN, RAKYAT KUNJUNGI RUMAH TERBUKA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beberapa menteri dan timbalan menteri menghadiri rumah terbuka Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu sempena Hari Deepavali di sini hari ini.

Ketibaan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di dewan Sekolah Chong Hwa di sini, tempat acara itu diadakan disambut meriah oleh Samy Vellu dan anggota keluarganya serta penyokong Barisan Nasional dan MIC.

Yang turut mengunjungi rumah terbuka itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Selain melayan orang-orang kenamaan yang hadir, Samy Vellu turut meluangkan masa bermesra dengan rakyat pelbagai kaum dan agama yang datang untuk mengucapkan selamat Hari Deepavali kepada beliau di samping menikmati hidangan yang disediakan.

Bercakap kepada pemberita, beliau melahirkan perasaan gembira dan berterima kasih dengan kehadiran orang ramai sambil berharap ia dapat terus menjalin perasaan muhibah yang sedia ada di kalangan rakyat Malaysia.

Sebelum beredar, Dr Mahathir dan Samy Vellu disertai isteri masing-masing serta para pemimpin lain mengambil bahagian dalam acara memotong kek yang menjadi tradisi majlis rumah terbuka pemimpin MIC itu.

Sementara itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut mengunjungi rumah terbuka Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk S. Subramaniam, yang juga Timbalan Presiden MIC, di Petaling Jaya.

Sambutan Deepavali bagi Subramaniam menjadi lebih bermakna kerana hari ini juga merupakan harijadi beliau ke-56.

Dr Mahathir turut mengalungkan bunga ke leher Subramaniam sebagai mengucapkan selamat harijadi.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk G. Palanivel turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Taman Melawati di sini.

Kemeriahan sambutan Deepavali juga dirasai di seluruh negara dengan para penganut Hindu mengadakan rumah terbuka untuk menerima kunjungan sanak saudara dan rakan taulan.

Di SHAH ALAM, rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan untuk Pekerja Ladang dan Lombong, Datuk K. Sivalingam menjadi tumpuan para pemimpin negeri dan orang ramai.

Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamad Khir Toyo dan isteri merupakan antara tetamu di rumah terbuka Sivalingam.

Menurut Dr Khir, sambutan meriah itu membuktikan bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini hidup dalam harmonis.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman menghadiri rumah terbuka Pengerusi MIC Negeri Datuk R.Raghavan di Taman Maju, Jasin. Turut mengunjungi rumah terbuka itu ialah Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam serta orang ramai daripada pelbagai kaum.

Di NEGERI SEMBILAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Samad mengunjungi rumah terbuka pengerusi MIC negeri T.Rajagopalu serta timbalan pengerusi MIC negeri Dr L.Krishnan di Seremban.

Beliau sebelum itu mengunjungi rumah terbuka bekas pengerusi MIC negeri Datuk M.Muthupalaniappan.

Di KEDAH, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat Datuk V. Saravanan juga tidak putus-putus menerima tetamu yang mengunjungi rumah terbukanya di Taman Petani, Sungai Petani.

Bagi Kedah, cuti kali ini agak panjang kerana negeri itu mulai bercuti sejak semalam sempena Israk dan Mikraj ditambah pula esok adalah cuti hujung minggu.

Di LANGKAWI, ramai pelancong mengambil peluang berkunjung ke pulau itu kerana cuti panjang sempena sambutan Deepavali.

Chalet, hotel dan motel di pulau peranginan ini mendapat tempahan meningkat sejak semalam.

Begitu juga dengan syarikat feri dan Penerbangan Malaysia (MAS) turut mengadakan perkhidmatan serta penerbangan tambahan bagi menampung kehadiran pelawat dalam dan luar negara.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman serta anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri mengunjungi majlis rumah terbuka Pengerusi MIC Negeri Datuk S Balakrishnan.

Di IPOH, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan isteri Datin Seri Kamariah Mokri mengunjungi rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk G. Rajoo yang juga pengerusi MIC negeri.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Tajol Rosli mengucapkan "Manggal Deepavali Valthu" (Selamat Hari Deepavali) kepada semua rakyat beragama Hindu di negeri ini.

Beliau turut berkata mulai tahun depan semua sambutan perayaan termasuk Deepavali akan diadakan secara besar-besaran di beberapa kawasan yang dikhaskan manakala kerajaan negeri akan menyediakan peruntukan untuk setiap acara yang bakal dijalankan.

Di KOTA BAHRU, masyarakat India di Kelantan yang merupakan golongan minoriti di negeri itu menyambut Deepavali dengan mengunjungi rumah sanak saudara dan kenalan mereka.

Beberapa buah rumah milik masyarakat India malam tadi turut dilihat memasang pelita.

Di KUALA TERENGGANU, perayaan Deepavali disambut sederhana tetapi meriah kerana tidak ramai kaum India yang tinggal di negeri ini.

Cuti Deepavali yang bersambung dengan cuti hujung minggu di negeri ini menjadikan Terengganu sebagai lokasi yang mendapat tumpuan para pelancong.

Tinjauan Bernama mendapati di antara lokasi yang menjadi tumpuan ialah Pasar Besar Kedai Payang, Masjid Terapung, Pantai Batu Buruk serta beberapa lokasi menarik yang lain.

Beberapa hotel utama pula dilaporkan penuh berikutan orang ramai mengambil kesempatan dengan cuti Deepavali.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengunjungi rumah terbuka Pengerusi Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) Pulau Pinang, Dr B.S. Bhar di Minden Heights, Gelugor.

Selain mengunjungi rakan-rakan beragama Hindu, masyarakat di negeri itu juga mengambil peluang daripada cuti umum itu untuk keluar membeli-belah serta mengunjungi pantai-pantai perkelahan di sekitar Tanjung Bungah, Batu Feringghi dan Teluk Bahang.

Di PERLIS, sambutan Deepavali disambut sederhana tetapi tetap meriah dengan beberapa pemimpin kaum India mengadakan rumah terbuka.

Mereka termasuk Ketua Pergerakan Pemuda MIC Perlis S. Sreetharan, Bendahari MIC Perlis S. Gunasegaran dan Penasihat Persatuan Belia Bell Tamil Perlis S. Subramaniam.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim turut mengunjungi rumah-rumah terbuka berkenaan.

Di KUCHING, suasana Deepavali dirayakan dengan sederhana tetapi meriah walaupun Deepavali tidak diisytiharkan cuti umum di negeri itu.

Seperti kebiasaan tradisi rumah terbuka menyerikan suasana sambutan dengan masyarakat berbilang kaum mengunjungi rumah sahabat mereka dari kalangan penganut Hindu.

-- BERNAMA
CJ AZZ RHM